

SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PEPERIKSAAN AKHIR

SEMESTER I

SESI 2015/2016

NAMA KURSUS : TEKNOLOGI PENDIDIKAN
KOD KURSUS : BBD20202
PROGRAM : SARJANA MUDA PENDIDIKAN
VOKASIONAL
TARIKH PEPERIKSAAN : DISEMBER 2015 / JANUARI 2016
JANGKA MASA : 2 JAM
ARAHAN : JAWAB SEMUA SOALAN

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI EMPAT BELAS (14) MUKA SURAT

SULIT

BAHAGIAN A

- S1** Teknologi pendidikan adalah
- A gabungan manusia, peralatan, teknik dan peristiwa yang bertujuan untuk memberi kesan baik kepada pendidikan
 - B gabungan kecanggihan peralatan dan teknik teknologi yang bertujuan untuk memberi kesan baik kepada pendidikan
 - C memastikan guru selesa menggunakan sumber teknologi untuk tujuan untuk memberi kesan baik kepada pendidikan
 - D memastikan guru melakukan yang terbaik untuk pelajar menggabungkan sumber dan pendidikan
- S2** Kitaran komunikasi dalam proses pengajaran mengikut urutan yang betul adalah
- A Enkod, Dekod, Media, Penerima, Pengirim
 - B Pengirim, Enkod, Media, Dekod, Penerima
 - C Dekod, Media, Pengirim, Penerima, Enkod
 - D Pengirim, Dekod, Media, Enkod, Penerima
- S3** Analisis pelajar dalam model ASSURE bermaksud
- A menganalisis ciri umum, jantina dan kecenderungan pelajar
 - B menganalisis ciri umum sosio ekononomi dan jantina pelajar
 - C menganalisis ciri tersembunyi tabiat sosial dan psikologi pelajar
 - D menganalisis ciri umum, kompetensi dan stail pembelajaran pelajar
- S4** Model ASSURE mengandungi enam langkah. Dalam langkah "Analyze Learners" pelajar dianalisis berdasarkan aspek-aspek berikut kecuali
- A teknik pembelajaran
 - B ciri-ciri umum pelajar
 - C tanggapan pelajar terhadap topik mata pelajaran
 - D pengetahuan/pengalaman sedia ada
- S5** Berikut adalah tokoh yang mengasaskan Teori Tingkahlaku, kecuali
- A Pavlov (1849-1936)
 - B Watson (1878-1958)
 - C Skinner (1904-1960)
 - D Parkinson (1963-1973)


- S6** Kon pengalaman pembelajaran Edgar Dale (1969) menyatakan
- A pengalaman pembelajaran paling banyak adalah melihat dan mendengar
 - B pengalaman pembelajaran paling banyak adalah melalui mimpi sahaja
 - C pengalaman pembelajaran paling banyak melibatkan lebih banyak deria
 - D pengalaman pembelajaran paling banyak melibatkan visualisasi pelajar
- S7** Fungsi model reka bentuk pengajaran dalam pembelajaran adalah untuk
- A mempelbagaikan kaedah penyampaian maklumat kepada pelajar
 - B membina perancangan untuk membangunkan bahan-bahan pengajaran
 - C membina perancangan untuk membangunkan bahan-bahan pengajaran yang boleh meningkatkan pembelajaran pelajar
 - D kepelbagaian saiz kumpulan pelajar disesuaikan dalam bentuk efisien dan berkesan
- S8** Berikut adalah beberapa aspek dalam model pengajaran berorientasikan bilik darjah, kecuali
- A analisis pelajar
 - B nyatakan objektif
 - C jelaskan pendekatan
 - D gunakan media dan bahan
- S9** Y merupakan satu elemen untuk menyalurkan pesanan daripada guru kepada pelajar sehingga dapat merangsangkan fikiran, perasaan, minat serta perhatian pelajar dan seterusnya terjadi proses pembelajaran. Y adalah
- A media pengajaran
 - B reka bentuk pengajaran
 - C strategi pengajaran
 - D model pengajaran
- S10** Media ini merupakan model yang disusun rapi supaya dapat menggambarkan keadaan atau rupa bentuk satu situasi pemandangan asal. Pernyataan ini adalah merujuk kepada
- A model olok-olok
 - B model berskala
 - C terrarium
 - D diorama
- S11** Pilih kenyataan yang salah mengenai reka bentuk transparensi secara umum
- A Saiz huruf yang paling sesuai ialah 18 poin
 - B Masukkan semua nota atau rajah yang ada dalam buku teks
 - C Transparensi harus dinomborkan
 - D Simpan transparensi dalam kotak yang sesuai

- S12** Bagi sesi pembelajaran yang memerlukan pelajar mengenal pasti ciri-ciri haiwan pemangsa, guru telah memilih gambar pegun sebagai media dan disampaikan melalui video. Tindakan guru ini menunjukkan beliau melakukan pengelasan media berasaskan pendekatan bahawa
- A perwakilan visual berkesan untuk pemahaman konsep
 - B semakin realistik sesuatu bahan, semakin tinggi nilainya pada pembelajaran
 - C pengalaman pelajar sebagai pemerhati dapat memanfaatkan aktiviti pembelajaran
 - D mengenali ciri fizikal media lebih penting daripada terus menentukan peralatan dan bahan
- S13** Kita perlu menggunakan lampu imbas atau *flash light* apabila mengambil gambar foto pada waktu malam kerana
- A kekurangan cahaya
 - B gambar akan lebih menarik
 - C dapat mengambil gambar dari jarak jauh
 - D untuk menambahkan lagi kekuatan cahaya yang sedia ada
- S14** Apakah peranan fotografi dalam pengajaran dan pembelajaran?
- A Fotografi sebagai satu bentuk seni
 - B Fotografi membantu mempromosikan sesuatu produk
 - C Fotografi mendokumenkan peristiwa dan merakamkan kejadian sebagai sebuah berita
 - D Fotografi sebagai stimuli visual mengalakkan *mental imagery*, inovasi dan kreativiti
- S15** Berikut adalah ciri-ciri bagi mikrofon dinamik kecuali
- A menggunakan kapasitor untuk hasilkan signal elektrik
 - B menggunakan prinsip elektromagnetik
 - C frekuensi lebih lebar dan isyarat berkualiti
 - D harga yang agak mahal
- S16** Antara berikut, manakah kombinasi warna latar belakang dan warna teks yang kurang sesuai?
- | | Warna latar belakang | Warna teks yang sesuai |
|---|-----------------------------|-------------------------------|
| A | Biru tua/ hitam | Kuning / putih |
| B | Kuning muda dan tua | Biru tua/ hitam |
| C | Hijau muda | Hitam/ biru tua |
| D | Kelabu | Putih/ hitam |

- S17** WiMAX merupakan kemudahan Internet yang lebih canggih daripada WiFi. WiMAX merujuk kepada
- A Wireless Maximum
 - B WorldWide Maximum Usage
 - C Wire Manipulating Access Externally
 - D World Wide Interoperability for Microwave Access
- S18** Berikut merupakan antara fungsi utama penubuhan Pusat Sumber Sekolah kecuali
- A menyediakan tempat untuk staf pentadbiran membincangkan isu-isu pendidikan
 - B menyediakan bahan pembelajaran dan pengajaran bagi guru
 - C menjadi rujukan guru dan pelajar bagi mendapatkan bahan pembelajaran
 - D mempromosi bahan dan perkhidmatan Pusat Sumber Sekolah
- S19** Mengapakah multimedia menjadi sesuatu yang penting dalam bidang pendidikan masa kini?
- A Multimedia menyeronokkan pembelajaran
 - B Multimedia menyebabkan pelajar kurang bertanyakan guru
 - C Interaktiviti multimedia membenarkan pelajar mengawal pembelajarannya
 - D Komunikasi antara pelajar dengan komputer dapat mengurangkan masalah disiplin
- S20** Antara berikut yang manakah langkah-langkah mengambil gambar yang sebaik-baiknya mengikut turutan yang betul?
- A Latar belakang, latar depan, komposisi, peranan cahaya dan mesej atau penceritaan
 - B Komposisi, latar depan, latar belakang, peranan cahaya dan mesej atau penceritaan
 - C Latar depan, latar belakang, komposisi, peranan cahaya dan mesej atau penceritaan
 - D Komposisi, latar belakang, latar depan, peranan cahaya dan mesej atau penceritaan
- S21** Yusuf ketinggalan untuk mengikuti pengajaran gurunya mengenai konsep-konsep dan terminologi berkaitan ekologi kerana tidak hadir ke sekolah. Apakah bentuk pengajaran yang boleh membantu Yusuf mempelajari tajuk ekologi tersebut?
- A Tutorial tentang konsep-konsep ekologi
 - B Latihan bercorak latih tubi mengenai ekologi
 - C Aktiviti penyelesaian masalah mengenai ekologi
 - D Simulasi yang memaparkan interaksi dalam ekologi
- S22** Bahan multimedia perlu mengandungi komponen berikut
- A teks, grafik, animasi, video, audio
 - B grafik 3D, animasi teks, video, muzik, menu arahan
 - C grafik vektor, teks, foto digital, muzik midi, suara latar
 - D lagu, suara latar, menu pilihan, butang pilihan, warna-warni

- S23** Tugas bahagian ini adalah mengawal cahaya yang masuk ke dalam kamera
- A Dial Kelajuan *Shutter*
 - B Dial Kelajuan Filem (ISO)
 - C Gegelang *Aperture*
 - D Gegelang fokus
- S24** Apakah konsep pembelajaran mudah alih yang menggunakan telefon bimbit?
- A *Mobile education*
 - B *Mobile Learning*
 - C *Mobile Reference*
 - D *Mobile Communication*
- S25** Pernyataan berikut menunjukkan kepentingan multimedia dalam pendidikan kecuali
- A Mendokong komunikasi linear yang efektif
 - B Mengaplikasi format interaktif dan merangsang
 - C Membangkitkan keseronokan dengan penggunaan komputer
 - D Menggalakkan pembelajaran sendiri
- S26** Persekitaran pembelajaran melalui web adalah berasaskan pendekatan _____, di mana pelbagai maklumat dalam bentuk teks, grafik dan animasi, audio dan video boleh dirangkaikan dalam pelbagai bentuk
- A hypertext
 - B hyperlink
 - C hypermedia
 - D hypergrafik
- S27** Antara kelebihan penggunaan telesidang video adalah
- A daya penumpuan yang tinggi secara serentak
 - B masa persediaan yang lebih
 - C menjimatkan kos dan masa perjalanan
 - D lebih menarik
- S28** Bunyi yang dikeluarkan melalui getaran yang membentuk gelombang dan perbezaan bentuk dalam gelombang ini membentuk bunyi dikenali sebagai
- A Audio Digital
 - B Audio Analog
 - C Audio Mono
 - D Audio Stereo

S29 Rajah S29 menunjukkan posisi gambar secara



Rajah S29

- A *high angle*
B *wide angle*
C *perspektif*
D *close up*
- S30 Tugas utama bagi seorang guru yang dilantik sebagai penyelaras Pusat Sumber Sekolah (PSS) adalah untuk
- A menguruskan pembelian peralatan PSS
B mempamerkan jadual penggunaan bilik tayangan
C memberi khidmat nasihat dan bimbingan dalam penggunaan media di PSS
D merancang dan melaksanakan program media dalam kalangan pelajar dan guru
- S31 Penyataan berikut adalah benar dalam merancang sebuah Pusat Sumber Pendidikan yang kondusif kecuali
- A kawalan suhu dan pencahayaan bilik yang baik
B ruang tayangan dan ruang bacaan boleh disatukan
C pusat sumber mestilah terletak dikawasan yang mudah dihubungi
D setiap peralatan hendaklah di tempatkan pada ruang dan sudut yang sesuai serta dilengkapi dengan manual pengguna
- S32 Berikut adalah teknik penggambaran video kecuali
- A *panning*
B *dollying*
C *zooming*
D *screening*
- S33 Kelajuan *shutter* yang paling sesuai untuk merakam sebuah pemandangan air terjun ialah
- A 1/60
B 1/125
C 1/250
D 1/500

S34 Antara berikut yang manakah benar mengenai *white balance*?

- A Satu proses mengasingkan imej yang tidak realistik
- B Objek 'putih' pada subjek akan dibaca sebagai warna putih
- C Tidak mengambil kira suhu warna
- D Suhu rendah menyebabkan warna gambar menjadi kebiruan dan suhu tinggi akan menyebabkan gambar menjadi kemerahan

S35 Antara cabaran pengamal teknologi pendidikan adalah

- I dapat mengekalkan perhatian audien
 - II menyampaikan maklumat dengan jelas, menarik dan mudah dibaca
 - III dapat menggambarkan poin yang hendak disampaikan
 - IV menerangkan maklumat secara berkesan
- A I, II dan III
 - B II dan IV
 - C I dan III
 - D I, II, III dan IV

S36 Penggunaan alat bantu mengajar di sekolah dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti

- I suhu persekitaran
 - II kemudahan peralatan dan bahan di sekolah
 - III kepentingan penggunaan alat dalam proses pengajaran
 - IV kesedaran guru terhadap kewujudan bahan dan peralatan di sekolah
- A I, II dan III
 - B II, III dan IV
 - C I, III dan IV
 - D I, II, III dan IV

S37 Ciri-ciri pusat sumber elektronik adalah seperti berikut

- I maklumat secara talian terus dan boleh dicapai pada bila-bila masa
 - II mempunyai unsur-unsur interaktif dan tidak statik
 - III mempunyai kawalan yang tinggi atas capaian kandungan dan paparan
 - IV maklumat yang terhad
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D I, II, III dan IV

S38 Tugas-tugas utama bagi seorang guru yang dilantik sebagai penyelarass Pusat Sumber Sekolah adalah

- I mempamerkan jadual penggunaan bilik TV atau bilik tayangan
- II merancang dan melaksanakan program media di sekolah
- II memberi khidmat nasihat dan bimbingan dalam penggunaan media
- IV menimbang pembelian buku-buku dan majalah dengan kerjasama guru-guru lain

- A I dan IV
- B I, II dan III
- C I, III dan IV
- D I, II, III dan IV

S39 Aspek utama dalam merancang sebuah Pusat Sumber Pendidikan yang kondusif adalah

- I pusat sumber mestilah terletak di kawasan yang mudah dihubungi
- II kawasan tayangan dan kawasan bacaan boleh disatukan
- III setiap peralatan di tempatkan pada ruang dan sudut yang sesuai serta dilengkapi dengan manual pengguna
- IV kawalan suhu bilik dan pencahayaan

- A I dan IV
- B I, II dan III
- C I, III dan IV
- D I, II, III dan IV

S40 Antara kelebihan papan tulis ialah

- I penggunaannya tidak memerlukan kebolehan atau peralatan istimewa
- II penggunaannya mudah kerana ia sentiasa berada dalam bilik darjah
- III perubahan atau penambahan isi boleh dilakukan dengan cepat dan mudah
- IV mudah alih serta senang digunakan untuk tujuan sampingan yang lain

- A I dan II sahaja
- B I, II, dan III sahaja
- C II, III, dan IV sahaja
- D I, II, III, dan IV

- S41** Seorang ahli teknologi pengajaran, Romizowski (1986) menjelaskan bahawa tiada gunanya menggunakan media satu hala seperti televisyen atau radio. Kenapa beliau berkata demikian?
- I Jika kaedah terpilih adalah perbincangan kumpulan
 - II Jika kaedah terpilih adalah kuliah
 - III Jika kaedah terpilih berkaitan perkongsian pengalaman
 - IV Jika kaedah terpilih adalah main peranan
- A I dan III
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- S42** Peralatan-peralatan yang diperlukan dalam sesuatu persembahan yang menggunakan visual tayangan adalah
- I penunjuk laser
 - II projektor
 - III sistem penayangan video dan data
 - IV *Liquid Crystal Display (LCD) Palette*
- A II dan III
 - B I, II dan III
 - C II, III dan IV
 - D I, II, III dan IV
- S43** Terdapat beberapa pendekatan yang telah digunakan dalam membuat pemilihan media. Antaranya adalah atribut fizikal, objektif pembelajaran dan ciri pelajar. Pilih pernyataan yang sesuai bagi pendekatan-pendekatan tersebut.
- I Atribut media melihat dari aspek fizikal dan simbol yang terdapat pada media
 - II Objektif pembelajaran mengesan keperluan kumpulan pelajar
 - III Ciri pelajar merujuk kepada kesediaan makmal, motivasi dan kefahaman pembacaan pelajar
- A I sahaja
 - B III sahaja
 - C I dan III
 - D I dan II

S44 Penggunaan alat bantu mengajar di sekolah dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti

- I proses penyediaan dan penggunaan alat
- II kemudahan peralatan dan bahan di sekolah
- III kepentingan penggunaan alat dalam proses pengajaran
- IV kesedaran guru terhadap kewujudan bahan dan peralatan di sekolah

- A I, II dan III
- B II dan IV
- C I, III dan IV
- D I, II, III dan IV

S45 Aplikasi komputer dalam pengajaran dan pembelajaran meliputi

- I halaman web
- II pangkalan data
- III pemprosesan perkataan
- IV perisian multimedia

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D I, II, III dan IV

S46 Multimedia kini telah berjaya menembusi bidang pendidikan kerana ia

- I merangkumi semua peranti penyampai melalui mikropemproses
- II mengaplikasikan penyampaian mengikut urutan (*sequential*)
- III menggunakan seberapa banyak saluran deria
- IV menjanakan mesej yang unik melalui paparan skrin

- A I, II dan III
- B II, III dan IV
- C I, III dan IV
- D I, II, III dan IV

S47 Ciri-ciri pembelajaran melalui web adalah seperti berikut

- I kawalan pengguna yang rendah
- II sumber maklumat yang tidak terbatas
- III faktor ruang dan sempadan yang tiada batasan
- IV persekitaran pembelajaran yang bercirikan dunia sebenar

- A I, II dan III
- B II, III dan IV
- C I, III dan IV
- D I, II, III dan IV

S48 Berikut merupakan strategi – strategi pengajaran yang sentiasa diamalkan oleh guru iaitu

- I strategi pemusatan guru
- II strategi pemusatan pelajar
- III strategi pemusatan bahan
- IV strategi pemusatan tugas

- A I, II dan III
- B II, III dan IV
- C I, III dan IV
- D I, II, III dan IV

S49 Manakah antara berikut merupakan fungsi papan cerita dalam fasa pembangunan video

- I memperincikan proses pembangunan video
- II memperinci kandungan dan keperluan video
- III sebagai lakaran grafik, skrin paparan video
- IV memperincikan penglibatan penerbit, pelakon, jurukamera dan pasukan teknikal

- A I, II dan III
- B II, III dan IV
- C I, III dan IV
- D I, II, III dan IV

S50 Kelemahan penggunaan internet dalam pengajaran dan pembelajaran adalah seperti

- I kos yang tinggi
- II literasi komputer sangat luas
- III perlu cekap dan bermotivasi
- IV capaian maklumat daripada sumber yang pelbagai

- A I, II dan III
- B II, III dan IV
- C I, III dan IV
- D I, II, III dan IV

BAHAGIAN B

- S51** (a) Apakah yang dimaksudkan dengan;
- i. multimedia
 - ii. hiperteks
 - iii. hipermedia
- (6 markah)
- (b) Terangkan tiga (3) kebaikan dan tiga (3) keburukan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran.
- (12 markah)
- (c) Berikan definisi telesidang video dan bincangkan kelebihan penggunaan telesidang video dalam sesi pengajaran dan pembelajaran.
- (7 markah)
-
- S52** (a) Huraikan bagaimana memanipulasikan *shutter speed* dalam kendalian kamera DSLR.
- (5 markah)
- (b) Cikgu Mimi bercadang untuk mengambil gambar foto artifak-artifak lama untuk mata pelajaran Sejarah. Anda diminta untuk membantu beliau dalam mengenalpasti langkah (panduan) yang perlu diambil kira untuk menghasilkan gambar yang berkualiti. Huraikan lima (5) langkah yang boleh disarankan.
- (20 markah)

-SOALAN TAMAT-